

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 07 OKTOBER 2016

*2/10/16*  
**10,000 dijangka  
sertai Mizuno Shah  
Alam Wave Run**

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menganjurkan Mizuno Shah Alam Wave Run 2016 sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam ke-16, Ahad ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, program ini dijangka akan menarik penyertaan sehingga 10,000 peserta dan mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Rela.

Program ini inisiatif pihak MBSA untuk mempromosikan Bandaraya Shah Alam kepada peserta dari dalam dan luar negara sebagai sebuah bandar yang sihat dan selamat untuk beriadah dan bersukan.

"MBSA juga menjadikan sukan larian untuk menggalakkan warga Shah Alam khususnya mengamalkan gaya hidup yang sihat," katanya.